

## Reka Bentuk dan Pembangunan MyScore Pemulihan dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Pemulihan Khas

Reza Rasfan Hamzah, Aznan Che Ahmad

### Kata Kunci:

**Kata Kunci: MyScore, Pemulihan, Guru Pemulihan Khas, Kemahiran Membaca**



### Abstrak:

Kajian ini adalah berkaitan dengan pembangunan aplikasi pembelajaran berteraskan perisian *android* iaitu MyScore Pemulihan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dikalangan murid pemulihan khas. Pembangunan produk adalah digunakan sebagai Reka Bentuk penyelidikan ini. Model ADDIE: iaitu (i) Analisis (Analysis), (ii) Reka Bentuk (Design), (iii) Pembangunan (Development), (iv) Pelaksanaan (Implementation), dan (v) Penilaian (Evaluation) diaplikasikan dalam kajian ini. Kajian ini juga menilai keberkesanan aplikasi MyScore Pemulihan dengan melibatkan kaedah kuasi-eksperimen yang mana kumpulan rawatan adalah merupakan sampel kajiannya. Pengumpulan data juga dijalankan melalui borang soal selidik. Keputusan kajian mendapati bahawa semua peserta kajian bersepakat bahawa MyScore Pemulihan adalah bersesuaian untuk digunakan sebagai alatan pembelajaran dan pengajaran untuk memperbaiki kemahiran membaca dikalangan murid-murid pemulihan khas dan telah mencapai objektif penghasilannya. Melihat kepada pandangan dan penerimaan ini, MyScore Pemulihan ini sesuai untuk dimanfaatkan dalam dunia pendidikan Bahasa Melayu terutamanya dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam bahasa ini.

### Keywords:

**Keywords: MyScore Pemulihan, Remedial Teachers, Reading Skills**

### Abstract:

This research is related with the development of learning application based on android software called MyScore Pemulihan to enhance reading ability in Malay language among remedial students. Research design used is product development. ADDIE model: namely (i) Analysis, (ii) Design, (iii) Development, (iv) Implementation, and (v) Evaluation (Evaluation) was applied in this research. This study also evaluates the effectiveness of the MyScore Pemulihan by involving a quasi-experimental method in which the treatment group is the study sample. Questionnaire was also used as the tool to collect study data. The findings of the study found that all of the study participants agree that MyScore Pemulihan is suitable to be used as a tool for learning and teaching to improve reading skill among remedial students and has successfully achieved its establishment objectives. By looking at the opinion and acceptance, MyScore Pemulihan can be utilized in the world of Malay Language education especially in increasing reading skill in this language.